

NOTIS IKLAN TENDER (KERJA)



PEJABAT DAERAH BINTULU

NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor tempatan di **Bahagian Bintulu** dan **Bahagian Berdekatan** yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-


No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
PDB/T/LKWKK H/2024 /04	Bina Baru Dewan Serbaguna SK Kampung Nyalau, Bintulu	UPKJ (Kerja) Kelas E/F Kepala II Subkepala 2(a)	RM50.00	09.12.2024	09.12.2024 Sebelum 12.00 Tengah Hari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberikuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen Tender dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran Yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **20.11.2024** hingga **09.12.2024 (sebelum 12.00 Tengah Hari)** pada waktu pejabat di alamat **Seksyen Kewangan Pejabat Daerah Bintulu (Tingkat Bawah), Bangunan Baru Wisma Residen Bahagian Bintulu, 97000, Bintulu**.

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi,
Lembaga Tender Bahagian,
Pejabat Residen Bahagian Bintulu,
Jalan Pisang Keling,
Off Jalan Tun Razak,
97000, Bintulu**

6. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.



Pegawai Daerah Bintulu

Tarikh: 20 November 2024